

23/10/2001

Rakyat wajar harga keamanan, kemakmuran

Khairul Anwar Rahmat

BH: Apa pandangan Datuk mengenai Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu?

IZUDIN: Bagi saya, belanjawan kali ini sangat istimewa kerana ia menggabungkan dua aspek penting, iaitu polisi ekonomi dan dasar fiskal kerajaan. Secara keseluruhannya, ia adalah belanjawan yang bertujuan menyeimbangkan polisi semasa supaya negara dapat menghadapi arus globalisasi dan kemelesetan ekonomi dunia. Belanjawan prihatin ini juga bakal 'mencurah' lebih banyak wang ke dalam poket rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Apabila pengguna mempunyai lebih wang, ia akan menggalakkan mereka berbelanja untuk menjana ekonomi negara. Perkembangan ini sangat bagus supaya Malaysia tidak lagi bergantung kepada ekonomi dunia yang kini mengalami keadaan tidak menentu. Kita juga dapat melihat kebijaksanaan Dr Mahathir apabila mengumumkan kerajaan tidak menurunkan cukai korporat. Beliau mungkin menyedari bahawa jika pengurangan cukai diberi, tidak semestinya syarikat korporat, terutama milik asing, akan membelanjakan wang mereka dalam negara. Mungkin juga mereka akan membawa keluar wang dan jika ini berlaku, sudah tentu ia akan menjejaskan ekonomi negara.

Justeru, beliau memikirkkan adalah lebih baik memberi bonus dan kenaikan gaji kepada kakitangan awam kerana sudah pasti mereka membelanjakan wang dalam negara, sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi. Bagaimanapun, seperti polisi ekonomi lain, belanjawan kali ini mungkin tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Namun, selagi ia menjaga kepentingan rakyat terbanyak, ia adalah sesuatu yang baik dan perlu diberi pujian.